

## Kesan dan Pengaruh Islam Kepada Pemeluknya

(2)

(Oleh : Mubha Abdullah – Jogjakarta)

Untuk mengetahui ajaran-ajaran Islam dan tugas hidup umat Islam dapat dibaca dalam kitab suci *al-Qur'ān al-Karīm* – Quran yang diwahyukan oleh Allah *Rabb al-Jalīl* melalui Jibrīl kepada pemimpin besar umat Islam – Nabi dan Utusan Allah – Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*, di dalamnya tidak hanya diajarkan dalam suatu bidang atau lapangan tetapi terpancar dengan sangat luasnya di dalam segala fasal dan lapangan. Untuk mengetahui dan mendalami isi kandungan kitab suci *al-Qur'ān al-Karīm* itu, perlu sekali ilmu pengetahuan yang konkrit yang boleh membawa dari kegelapan ke alam yang terang, dari kejahilan ke alam yang benar dan dapat menyingkirkan dari kesesatan – bukan membawa kepada kesesatan.

Tugas dan kewajiban ini tidak hanya terletak di atas bahu segelintir masyarakat sahaja, tetapi terletak bersama di atas bahu pemuda-pemuda yang katanya harapan bangsa terutama bagi pemuda-pemuda dan segenap lapisan masyarakat yang berada di bawah panji-panji Islam. Lebih-lebih lagi bagi penganjur-penganjur dan mubaligh-mubaligh Islam serta yang memegang kendali pemerintah sebagai agama negara, untuk mengatur sikap hidup dalam pergaulan menentukan hak dan kewajiban sebagai anggota masyarakat dan sebagai warganegara yang aman dan damai.

Islam juga menetapkan dasar pemerintahan negara yang berdasarkan demokrasi pemerintahan ini berdasar pula pada musyawarah, sebagaimana Tuhan telah menyuruh

kita (segala umat) kepada bermusyawarah, firmanNya :

“*Wa amruhum shūrā baynahum*” (dan urusan mereka hendaklah dimesyuaratkan sesama sendiri – P. Q.).

Musyawarah yang tidak hanya dari golongan atasan sahaja, tetapi juga termasuk rakyat umum. Sedang cara melaksanakan pemerintahan yang demokrasi ini diserahkan kepada manusia yang berakal yang mempunyai ilmu pengetahuan. Dengan akal yang dianugerahkan oleh Tuhan dan ilmu pengetahuan yang telah dituntut serta diperoleh itu harus (mesti) melaksanakan pemerintahan negara dan susunan masyarakat yang memberikan kenikmatan dan kebahagiaan kepada seluruh umat manusia di dalam negara tersebut. Oleh itu rakyat akan tetap percaya, selain kepada adanya Tuhan dan keadilan-Nya, juga percaya pada pimpinan dan pemerintahannya yang betul-betul menjalankan pemerintahan di atas rel, demokrasi untuk kebahagiaan dan kemakmuran bersama.

Bilakah kita melayangkan pandangan dengan mendalam lagi tentang kemurniaan pengajaran yang dijiwai atau dijelmakan oleh Islam, maka ternyata pula bahawa Islam telah membawa pengajaran-pengajaran yang lebih murni dari apa yang diinginkan dan dicita-citakan oleh setiap umat. Perhatikanlah sepanjang sejarah hidup pimpinan besar Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*, demikian juga *al-Khulafā' al-Rāshidīn*. Mereka telah melaksanakan pengajaran-pengajaran itu dengan penuh semangat dan kegembiraan, seakan-akan segala pengajaran itu telah menjadi darah

daging pada tubuh mereka. Oleh itu mereka merasakan kenikmatan dan kebahagiaan yang tiada ternilai dan dilaksanakan pengajaran-pengajaran tersebut di atas nama kenikmatan dan kesejahteraan.

Demi untuk mencapai kenikmatan dan kebahagiaan umat Islam seluruhnya, Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, Abū Bakr al-Ṣiddīq dan lain-lain sahabat lagi tidak bertanggung daripada membelanjakan segala harta benda mereka pada jalan Allah, sehingga mereka rela dengan hanya memakai baju bertampal sahaja dan mencari penghidupan seberapa yang dapat dengan berjualan di pasar. Masihkah ada kepercayaan dan perasaan seperti penganjur-penganjur besar Islam itu sekarang? Untuk menjawabnya terserah kepada pemimpin pemerintahan dan rakyatnya yang berada di bawah panji-panji Islam.

Dengan huraian yang singkat di atas, umat Islam (termasuk rakyat dan pemimpinnya) akan mendapat suatu pendirian yang teguh (*istiqāmah*) dan kebahagiaan dalam Islam, apabila mereka sudah benar-benar mengetahui segala isi kandungan Islam yang mereka peluk itu dan menjalankan perkara-perkara yang diperintahkan oleh Islam.

Untuk menegak dan mengemaskan akidah Islam setiap peribadi Muslim itu, mereka harus disimenkan dengan suatu kepercayaan dan pegangan yang konkrit, iaitu kepercayaan kepada Yang Esa, Yang Satu, iaitu kepada Allah Ta‘ālā yang menjadikan dan menciptakan alam semesta ini. Dan satu ini apabila telah didapat akan mendapat pendirian yang tidak mungkin goyang dengan tiupan angin badai sekalipun. Bahkan mereka akan memeliharanya dengan penuh kepercayaan dan dengan penuh khidmat, serta memegangnya dengan sesungguhnya. Tetapi kepercayaan yang

demikian itu akan lenyap pula dengan serta-merta apabila mereka itu mengibaratkannya sebagai titisan air di atas daun keladi dan jatuh di permukaan pasir. Orang itu akan dimurkai Allah Ta‘ālā, kerana dia telah tahu jalan yang benar tetapi tidak ditempuhnya, dan orang itu akan menjadi sesat kerana terlalu percaya pada diri sendiri, sehingga lali mendengar akan nasihat-nasihat dan pertunjuk, dan lali memegang kepercayaan dalam erti yang sebenarnya.

---

**Bacalah**

**Sudah terbit!**

**Buku-buku Syuhada**

**Disusun oleh :**

**Edrus**

- |                                     |        |
|-------------------------------------|--------|
| 1. Hamzah bin ‘Abd al-Muṭalib       | 50 sen |
| 2. Nusaybah – Pahlawan Wanita Islam | 50 ”   |
| 3. ‘Ikrimah bin Abū Jahl            | 50 ”   |
| 4. Sa‘ad bin Rabī‘                  | 50 ”   |
| 5. Sa‘ad bin Mu‘adh                 | 50 ”   |
| 6. Nu‘mān bin Maqran                | 50 ”   |
| 7. Ja‘far bin Abi Talib             | 50 ”   |
| 8. Anak ‘Abd Allāh bin Ubay         | 50 ”   |
| 9. Anak angkat Rasulullah           | 50 ”   |
| 10. Abū Hudhayfah bin ‘Utbah        | 50 ”   |

Lain-lain buku tawarikh

- |  |        |
|--|--------|
| Sejarah ringkas Muhammad (S.A.W.) (oleh Edrus)         | \$1.20 |
| Bilāl – (Oleh Abdullah Basmeh)                         | \$1.20 |
| Muḥammad (S.A.W.) (Oleh Abdullah Basmeh) empat penggal |        |
| Sepenggal  | \$1.20 |

*di-terbitkan oleh:*

**QALAM**

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

---